

PENGENALAN

Harta wakaf: tertahan dari sudut pemilikannya & manfaatnya dinikmati demi membangunkan sosial dan ekonomi umat Islam.

Tujuan tanah wakaf dibangunkan: untuk perladangan, menjana pendapatan & beri peluang pekerjaan kepada golongan miskin.

Menurut Imam Syafi'i: wakaf adalah sedekah *muhramat*.

Menurut Imam Sarkhasi (Mazhab Hanafi): wakaf ialah tertahan pemilikan harta daripada orang lain.

PENDEKATAN MUSAQAH UNTUK PROJEK PERTANIAN

Musaqah (bahasa): saling menyiram.

Musaqah (syara'): satu kontrak penyerahan tanaman kepada orang yang menjaga dan memelihara tanaman dengan agihan hasil.

Hukum Musaqaah:

-majoriti ulama mengharuskan akad kontrak.

-Abu Hanifah & Zufar tidak menggalakkan sama sekali.

HADIS KONTRAK MUSAQAH

(a) *"Ibnu Umar r.a menceritakan, bahawa Rasulullah s.a.w pernah membenarkan penduduk Yahudi Khaibar untuk menggarap tanahnya dengan balasan separuh dari hasil kebun buah-buahan atau tanah pertaniannya."* (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

(b) *"Sesiapa yang mempunyai tanah hendaklah ia mengusahakan dengan bercucuk tanam dan tidak ada pembahagian yang lain sama ada 1/3 atau 1/4 dan tidak ada hak yang ditentukan."*

(c) *"Sedekah tidak halal bagi orang kaya, orang sihat dan kuat."* (Hadis Riwayat Abu Hurairah berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w)

PERKAITAN DIANTARA AGIHAN FAKTOR & AGIHAN PERSONAL

-Agihan faktor merujuk kepada agihan sumber yang dibahagikan kepada golongan miskin yang berkeupayaan untuk menjalankan pekerjaan.

-Agihan personal adalah merupakan peruntukan khas daripada golongan kaya.

-2 jenis agihan ini berkait rapat kerana agihan personal membantu dalam melengkapi agihan faktor.

-Agihan ini bermaksud golongan miskin yang sihat tubuh badan & fizikal akan diberi lima atau sepuluh ekar kebun untuk diusahakan.

RUKUN MUSAQAH

1. Kedua Pihak yang Berkontrak: Kontrak yang dibuat oleh seseorang yang diharuskan berurusan dalam perkara harta adalah sah. (berakal & baligh)

2. Objek Musaqaah: Imam syafie mensyaratkan buah kurma & anggur.

3. Buah: Pengkhususan bahagian bagi kedua pihak yang beraqad.

4. Kerja: Pengurus diberi kuasa sepenuhnya ke atas kerja berkenaan.

5. Ijab & Qabul: Ungkapan yang dibuat oleh pihak pemilik/pengurus.



By nuradawiyah a rahim

cheatography.com/nuradawiyah-a-rahim/

Published 21st June, 2020.

Last updated 21st June, 2020.

Page 1 of 1.

Sponsored by CrosswordCheats.com

Learn to solve cryptic crosswords!

<http://crosswordcheats.com>